

Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu boleh mengancam perpaduan umat Islam. Meskipun kerajaan Malaysia telah mewartakan fatwa untuk menjaga keharmonian namun masalah ini belum dapat dibendung. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu menerusi wacana media massa. Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti jenis dan bentuk pembidaahan semasa serta punca-puncunya sekali gus membantu mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut. Dari segi metodologi, kajian ini bersifat kualitatif. Data kajian ini diperolehi dari kandungan laporan akhbar arus perdana berbahasa Melayu seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* serta akhbar tabloid seperti *Sinar Harian* dan *Kosmo* dari tahun 2011 hingga 2017. Analisis deskriptif ke atas kandungan laporan akhbar dibuat untuk memberi pencerahan secara logik dan rasional menggunakan teori dan konsep bidaah yang dipakai dalam fatwa rasmi di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam perspektif yang perlu diberi perhatian dalam isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu, iaitu konsep bidaah yang tidak jelas atau belum dapat diterima oleh sebahagian masyarakat, kekeliruan masyarakat antara persoalan bidaah dan khilafiah, kelemahan memahami konsep sunnah yang sebenar, kekaburan menyentuh konsep difusi antara agama dan budaya, kebimbangan masyarakat terhadap sifat taksab sesetengah pihak dengan kefahaman yang dipegangnya tentang bidaah dan kerisauan masyarakat terhadap sifat ekstrem pada sesetengah pihak yang keras menentang pihak yang dianggapnya ahli bidaah.

Kata kunci: *Amalan masyarakat Melayu, bidaah, sunnah, media, fatwa.*

Accusations of Heresy Against the Practice of Malay Community: A Mass Media Discourse Analysis

ABSTRACT

The issue of accusations of heresy against the practice of the Malay community threatens Islamic unity. Although the government has gazetted *fatwa* to maintain harmony, this issue has not been resolved. Therefore, this study was conducted to analyse accusations of heresy against the practice of the Malay community through mass media discourse. The purpose of the study is to identify the types and forms of current heresy issues and its causes as well as to assist in solving the problem. In terms of methodology, this study is a qualitative study. Data were obtained from the reports of Malay mainstream newspapers such as *Utusan Malaysia* and *Berita Harian* as well as tabloid newspapers such as *Sinar Harian* and *Kosmo* published from 2011 to 2017. A descriptive analysis was made to provide logical and rational enlightenment using the theory and concept of heresy used in official *fatwa* in Malaysia. The results showed that there were at least six perspectives that need to be addressed in the issue of heresy, namely the concept of heresy that is not clear or is not acceptable to most people, confusion between the question of heresy and *khilafiah*, the weaknesses of understanding the concept of real *sunnah*, the ambiguity of the concept of diffusion between religion and culture, the community's concerns over the nature of some people obsessed with the understanding regarding heresy, and the

public concern about the extreme nature of some parties opposed to those who are considered heretics.

Keywords: *The practice of the Malay community, heresy, sunnah, media, fatwa.*

PENGENALAN

Dalam tekad menjadikan Malaysia sebuah negara maju, aspek kemurniaan jiwa dan ketinggian pemikiran masyarakat perlu diberi perhatian yang besar. Falsafah hidup dan akal budi bangsa perlu dipertingkatkan dan dikemaskini dari semasa ke semasa selaras dengan wawasan negara yang didukung oleh kerajaan. Hal ini menjadi lebih relevan jika dikaitkan dengan tuntutan *al-Daruriyyat* dan ilmu *Maqasid al-Syariah* yang amat dititikberatkan oleh sarjana Islam kontemporari dalam perbincangan mereka. (Muhammad Adnan, Siti Nur Husna & Mohd Izhar Ariff, 2018) Untuk itu, masyarakat Melayu khususnya perlu menjaga elemen-elemen asli yang menjadi teras kepada pembentukan jati diri kemelayuan.

Anasir-anasir yang bertentangan dengan nilai dan norma orang Melayu perlu disekat dari mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku. Dari perspektif budaya, antara isu yang boleh merencam pemerhatian dan perhatian masyarakat Melayu Islam hari ini ialah sikap mudah membidaahkan amalan atau adat resam keislaman dalam masyarakat Melayu Islam sedangkan ia telah lama diadun dan direkayasakan dengan unsur Islam secara harmoni.

Dalam kata lain, Islam yang didukung oleh masyarakat Melayu sejak ratusan atau ribuan tahun lampau sudah lama berdifusi dalam hampir keseluruhan adat resam dan tradisi masyarakat Melayu. Oleh itu amat penting dicermati sikap sesetengah pihak yang suka membidaah segala adat resam dan tradisi Melayu secara melulu ini yang boleh memporakperandakan perpaduan. Jika dengan niat dan tujuan murni untuk membetulkan amalan dan budaya masyarakat Melayu, mereka perlu mengambil sikap berhati-hati dan penuh santun dalam bertindak supaya tidak menimbulkan perselisihan yang tidak berkesudahan.

Dalam konteks ini masyarakat Melayu kontemporari seharusnya berinteraksi sesama sendiri di atas landasan sistem nilai murni Melayu yang telah berasimilasi dengan ajaran Islam sejak zaman terdahulu. (Anwar Omar, 2008 dlm. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi, 2015) Selain itu kajian ini dapat menganjak paradigma masyarakat Melayu ke arah memelihara warisan adat Melayu keislaman dari disalahfahami.

Untuk membahaskan isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu di media massa Malaysia, terlebih dahulu beberapa perspektif penting perlu dilunas bagi membuka ruang pemikiran dan meluruskan kefahaman. Oleh itu dijelaskan tentang kedudukan kedudukan agama dan budaya orang Melayu serta sejarah kemunculan bidaah dalam masyarakat Melayu. Seterusnya diuraikan persoalan teori dan konsep bidaah pada Melayu yang menjadi landasan pemikiran, pegangan dan amalan.

Agama dan Budaya Orang Melayu

Menurut Dzuhailmi (2013) agama merupakan maksud iaitu matlamat sebenar yang perlu dicapai oleh individu manusia dalam setiap jujuk kehidupan mereka. Jika dilihat kepada konsep Melayu menerima Islam sebagai agama maka dapat dikatakan orang Melayu berpegang kepada dasar hidup taat beragama dan setia pada adat. Dalam pantun, orang Melayu berkata:

Anak ayam turun lima,
Satu mati tinggal empat;
Minta mati dalam agama,
Biarlah tulis jalan makrifat.

Anak ayam turun enam,
Satu mati tinggal lima;
Minta doa tetapkan iman,
Minta mati dalam agama.

Agama adalah asas dalam kehidupan mereka sementara adat hanya menjadi pelancarnya. Orang Melayu meletakkan agama Islam di kedudukan yang selayaknya. Agama telah menjadi penentu kepada nilai kebudayaan dan keintelektualan Melayu dalam rangka membina dan membentuk suatu identiti bangsa tersendiri. Orang Melayu perlu sentiasa mengingatkan diri mereka bahawa setiap perbuatan atau pekerjaan yang ingin mereka lakukan hendaklah jangan biar sampai bertentangan antara adat dan agama. Pepatah ada mengatakan: Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah.

Budaya mentaati agama telah menjadi teras dalam jati diri Melayu. Rodi Wahyudi (2015) menjelaskan bahawa ketaatan beragama meliputi aspek imaniah, ibadah, muamalah, muasyarah dan akhlak. Ia penting kerana merupakan jalan hidup untuk menghantarkan seseorang dapat selamat di dunia dan akhirat. Tambahnya ketaatan beragama merupakan satu konsep yang menggambarkan keadaan seseorang yang mengamalkan keseluruhan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan Allah SWT dengan cara yang telah dicontohkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Dalam hal ini dapat dicontohkan dengan pegangan orang Melayu dengan pepatah atau peribahasa yang berbunyi “Biar mati anak jangan mati adat” (Kamus Peribahasa.com) yang memberi maksud adat yang tidak boleh dilanggar (Ismail Hussein, 1975). Hal ini adalah disebabkan oleh adat itu dibentuk berdasarkan hukum agama. Manakala hukum agama didirikan berdasarkan kitab Allah yakni al-Quran.

Andai kata anak penguasa dan pemimpin atau raja sendiri yang terlanjur melanggar undang-undang yang dipegang oleh masyarakat maka hukuman ke atas kesalahannya perlu dilaksanakan seperti pada orang lain kerana itulah mercu keadilan dalam masyarakat Islam. Peribahasa Melayu dalam mengagungkan keadilan ialah: “Raja adil raja disembah, raja zalim raja di sanggah”. Bahkan merapatkan diri pada raja yang zalim diibaratkan sebagai “bersandar di batang rengas, gatallah badan” sebagai pesanan pada orang yang yang berhampiran dengan raja itu bahawa akhirnya dia sendiri akan mendapat kesusahan. (Ismail Hussein, 1975)

Dalam aspek membina identiti bangsa, Hasni dan Novel (2014) ketika menghuraikan elemen-elemen yang terangkum dalam identiti harus dapat menyerlahkan ciri unik yang membezakan di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain. Elemen-elemen tersebut adalah agama, bahasa, pakaian, makanan, nilai, norma dan sebagainya. Pemikir Melayu tersohor, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972, hlm. 20) menjelaskan:

Kedatangan Islam di kepulauan Melayu-Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baharu dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisme dan pengetahuan akliah serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan.

Untuk melihat satu contoh keislaman pemikiran Melayu, syair-syair Hamzah Fansuri, sasterawan agung Melayu, dapat dijadikan bukti. Hamzah berkata:

Hamzah Fansuri di negeri Mekah
Mencari Tuhan di Baitul Kaabah
Dari Barus ke Kudus terlalu payah
Akhirnya mendapat di dalam rumah

Dalam aspek adat dan budaya, orang Melayu kuat berpegang dengan agama sehingga agama menjadi sandi kepada adat. Zainal Kling dalam Islam dan kebudayaan Melayu menjelaskan hubungan adat dan syariat dalam Hukum Adat Melayu dengan berasaskan pepatah “Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah”. Menurut beliau:

Suatu evolusi dan transformasi mendalam dan radikal kebudayaan berlaku dalam kalangan pelbagai kelompok suku-bangsa Melayu setelah beberapa lama berkontak dan meresapi Islam. Masyarakat dan kebudayaan Melayu ditransformasikan hampir seluruhnya menjadi Islami dengan perlahan mengetepikan segala unsur bukan-Islami baik yang asli mahupun yang datang dari kalangan agama dan upacara Hindu-Buddha yang terdahulu, menjadi bahagian asasi dalam kehidupan kini. Dengan menerima identiti Islam maka seluruh landasan dan asas kebudayaan terobah, sesuai aqidah Islam. Alam yang melingkungi dan segala bentuk binaan budaya dan sistem kemasyarakatan dirasionalisasikan dan dibangunkan di atas tuntutan aqidah Islam sehingga mencapai suatu identifikasi atau jati diri yang Islami. Tradisi budaya yang dicipta dalam ribuan tahun dilebur sebagai Islami dalam gagasan ‘adat’ yang memancarkan perasionalan seluruh anasir daya cipta budaya, seluruh kebudayaan itu sendiri. Dari pengertian terhadap unsur alam hingga kepada bahasa, sastera, sistem politik, ekonomi dan kekerabatan serta pelapisan dan segala macam upacara telah mengikuti acuan Islami yang amat berwibawa ke atas kuasa alamiah yang menjadi struktur jiwa dan kosmologi di zaman lampau yang kuno.

Lebih menarik lagi dilihat jati diri Melayu disamakan dengan jati diri Islam kerana disebut apabila seseorang yang bukan Islam memeluk agama Islam maka ia diistilahkan sebagai ‘Masuk Melayu’.

Menurut kajian Zakaria Stapa (2012) konsep jati diri Melayu adalah berpaksikan kepada beberapa prinsip utama iaitu pertama, Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu. Kedua, perwatakan, adab dan kesusilaan orang

Melayu adalah berasaskan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak. Mana-mana adat yang diamalkan sebelum Islam yang menyalahi syarak ditinggalkan atau dimodifikasi supaya selaras dengan syarak. Ketiga, penghayatan nilai tauhid dalam sistem kehidupan sama ada dalam entiti keluarga, masyarakat atau negara.

Dari perspektif budaya dan seni, keluwesan Islam mempengaruhi seni Melayu dan modus operandinya. Anwar (2008, hlm. 89) menjelaskan bentuk proses pengislaman nilai dalam seni berlaku di alam Melayu:

Setelah dipilih dan diubahsuai (*transmitive*) dengan nilai baharu, hasil seni itu dihadamkan (*digestive*) dan diasimilasikan (*assimilative*). Dengan kata lain, Islam menyelenggarakan 'pengkudusan' atau 'penyucian' agar ciptaan dan amalan warisan tempatan menjadi 'responsif atau sesuai dengan nilai Islam.

Orang Melayu percaya bahawa segala-galanya hanya ditentukan oleh Tuhan. Maka baik dan buruknya sesuatu itu adalah perlu ditetapkan menurut pandangan agama Islam terlebih dahulu. Apa yang baik pada pandangan agama maka baiklah pada diri mereka dan apa yang buruk pada pandangan agama maka buruklah pula pada mereka.

Sistem hidup yang dibudayakan oleh mereka adalah berdasarkan kepada panduan agama Islam dan hukumnya. Mereka masyarakat yang berakidah, bersyariat, beribadah, berbudaya, berakhlak, berkeluarga, bermasyarakat, berekonomi, berpolitik dan bernegara menurut citra agama Islam. Meskipun masih terdapat sebahagian daripada kalangan masyarakat Melayu tersalah faham tentang beberapa aspek dalam agama atau dilihat masih tegar mengamalkan sebahagian adat budaya yang membawa pengaruh kepercayaan yang bertentangan secara langsung dengan ajaran Islam seperti animisme atau Hindu, namun mereka masih tahu dan akur bahawa ia adalah nilai-nilai yang salah dalam pandangan agama dan wajar dikesampingkan dalam kehidupan. Oleh itu, usaha gigih ulama Melayu belum pernah berhenti dari berdakwah dan mengajar sama ada dalam penyampaian lisan atau tulisan atau penghasilan fatwa adalah semata-mata bermatlamat memurnikan pemikiran masyarakat dan membetulkan kelakuan mereka supaya sejajar dengan kehendak Islam.

Sebenarnya orang Melayu telah menjadikan Islam sebagai teras budaya Melayu. Orang Melayu lazimnya mengamalkan budaya berteraskan agama Islam sahaja. Islam telah berdefusi ke dalam setiap sudut dan bidang kehidupan mereka (Muammar Ghaddafi & Mohd Yuszaidy, 2015, hlm. 203). Malah segala pemikiran agama orang Melayu bertunjangkan kefahaman dan ideologi Mazhab Ahli Sunnah wa Jamaah termasuklah dalam soal pemikiran sosial, politik dan ekonomi mereka.

Dalam konteks identiti Melayu Malaysia, penerimaan Islam dan adat telah menjadi faktor penting dalam proses pembentukan identiti Melayu (Lily, Md Azalanshah & Azizah, 2015). Justeru, menurut Lily, Islam dan adat Melayu merupakan ciri yang bersifat subjektif dalam menentukan sama ada seseorang individu itu boleh menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu atau tidak.

Sejarah Bidaah dalam Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu terkenal bermazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam akidah dan fekah. Bahkan tasawuf mereka pun disebut tasawuf sunni. Nornajwa (2016) menjelaskan dalam kajiannya keutuhan mazhab ini khasnya mazhab Syafii dalam amalan Melayu sejak zaman Melaka lagi. Dari maklumat yang ditulis Hamka dalam *Sejarah Umat Islam*, boleh difahami bahawa daerah Nusantara telah lama mendukung Islam Sunni atas usaha pendakwah-pendakwah Islam Sunni sama ada dari Timur Tengah atau India yang dikatakan berdakwah ke Nusantara sejak abad ke-7M iaitu bersamaan dengan abad pertama Hijrah. Juga dari senarai nama para pendakwah Islam terawal yang disebut oleh Hamka dapat dijangkakan bahawa mazhab para pendakwah terawal tersebut hanya Mazhab Syafii.

Sementara menurut Hamka lagi, ulama Syiah hanya mulai datang ke Nusantara pada awal abad ke 15 Masihi (Hamka 1994). Dengan ini dapatlah diandaikan bahawa itu mungkin detik terawal atau antara yang terawal bagi bidaah muncul dalam kalangan masyarakat Nusantara adalah pada abad ke 15 M itu iaitu kira-kira bersamaan abad ke 8H. Ini menunjukkan ia berlaku selepas tujuh abad berlalu dari tarikh kedatangan Sunni ke Nusantara. Pada realitinya mazhab Syiah tersebut dilihat tidak mampu untuk melebarkan sayapnya kerana kekuatan Sunni yang sudah lama teguh.

Adapun fenomena bidaah membidaah terawal antara sesama ahli Sunnah di Nusantara ialah mungkin dalam isu kontroversi mengenai ajaran tasawuf di Jawa abad ke 14M yang dicetuskan oleh Sunan Siti Jenar dengan doktrin yang ditentang kuat oleh para sunan lain dalam kumpulan Wali Songo yang amat terkenal.

Seterusnya isu Syeikh Nuruddin al-Raniri yang membidaahkan ajaran Wahdatul wujud yang terkandung dalam pemikiran tasawuf Mufti Aceh abad ke 16 M, Syeikh Hamzah Fansuri.

Seterusnya pada abad ke 17 dan 18M, ulama terulung dari Banjar Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari membanteras bidaah-bidaah yang berlaku dalam masyarakat termasuk dalam kes Syeikh Datu Abd al-Hamid Abulung yang hampir sama bentuk kisahnya dengan kisah Siti Jenar, salah seorang sunan daripada kalangan wali Songo sekitar abad ke 15 di Jawa. (Muammar Ghaddafi, 2015, hlm. 188)

Seterusnya pembidaahan antara umat Melayu berlaku antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Abdul Rahman Haji Abdullah dalam *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran* telah merakam beberapa bentuk pertentangan pemikiran antara kedua kumpulan dan contoh yang paling ketara ialah isu negeri Perlis sebagai negeri mewakili penguasaan aliran Kaum Muda. (Abdul Rahman, 1998)

Teori dan Konsep Bidaah pada Melayu

Persoalan bidaah telah mendapat perhatian para ulama Melayu. Antara sumber penulisan Ulama Melayu yang dapat dijadikan contoh dalam perspektif ini ialah kitab *Tuhfat al-Raghibin* karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Kitab ini merupakan satu usaha pembanteras bidaah dalam akidah yang berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan di Banjar bersangkutan kepercayaan khurafat dan sesat yang dipanggil adat menyanggar banua dan adat membuang pasilih (sial).

Menurut Abdul Basit, tahun 2010 dari UIN Sunan Kalijaga, Indonesia, dalam tesisnya yang berjudul Konsep Bid'ah Tradisi Memberi "Sasajen" Dalam Kitab *Tuhfat Al-Raghibin Fi Bayan Haqiqat Iman Al-Mu'minin Wa Ma Yufsiduh Min Riddat Al-Murtaddin* Karya Syeikh

Muhammad Arshad Al-Banjari (1122-1227 H/1711-1812 M) (*Tahqiq wa Dirasah*), Kitab al-Banjari ini merupakan kitab terawal orang Melayu dalam membicarakan konsep bidaah.

Seterusnya boleh lagi ditelusuri sentuhan tentang larangan membuat dan mengikut bidaah dalam kitab-kitab Jawi terkenal seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Aqidat al-Najin* dan lain-lain. Kitab-kitab ini menjadi bukti orang Melayu tidak menerima bidaah dalam kehidupan beragama.

Oleh kerana banyak berlaku polemik antara ulama dalam isu bidaah pihak Fatwa Selangor telahewartakan satu fatwa berjudul 'Fatwa Menangani Persoalan Bidaah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furuk' Nombor Rujukan [MAIS/SU/BUU/01- 2/002/2012-5(1); P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/12] yang keputusannya bertariikh 17 Julai tahun 2014. Fatwa tersebut menjelaskan tiga keputusan fatwa.

Keputusan pertama ialah persoalan khilafiah adalah perkara ijtihad dan tidak boleh sama sekali dihukumkan bidaah kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama muktabar sejak dahulu.

Keputusan kedua ialah pandangan jumhur ulama sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesar-besarkan perkara khilafiah yang boleh menggugat perpaduan umat Islam.

Keputusan ketiga ialah di antara amalan yang didakwa sebagai bidaah namun ia sebenarnya perkara-perkara khilafiah adalah seperti membaca surah Yasin pada malam Jumaat, membaca tahlil dan talkin untuk si mati, mengadakan kenduri arwah, menyambut Maulid al-Rasul pada 12 Rabiulawal setiap tahun, membaca surah Yasin tiga kali di malam Nisfu Syaaban, berdoa beramai-ramai selepas solat berjemaah, membaca wirid dan zikir secara kuat atau nyaring beramai-ramai selepas solat fardu, membaca 'Basmallah' secara kuat atau nyaring dalam solat fardu, menyebut lafaz 'Usalli' dalam niat solat, membaca qunut dalam solat Subuh, bersalaman selepas solat berjemaah, solat sunat sebelum solat Maghrib, solat sunat sebelum Jumaat, Fidyah solat, terbatal wuduk dengan sebab bersentuhan lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini, bilangan rakaat bagi solat sunat Tarawih sama ada 20 atau 8 rakaat, menyapu muka selepas memberi salam, akikah dengan kambing sahaja dan konsep pengamalan Hadis Daif.

Dapatlah dianggap fatwa mutakhir di atas, suatu teori dan konsep bidaah yang harus diterima dalam konteks masyarakat Malaysia atas kepercayaan dan mandat yang diberikan kepada pihak jawatankuasa fatwa dalam menentukan hukum dan kedudukan permasalahan agama seumpamanya yang sering melanda masyarakat.

TINJAUAN LITERATUR

Fadzli, Firdaus Khairi dan Abd Hakim (2014) membahaskan faktor kemunculan bidaah akidah dalam masyarakat Melayu masa kini. Menurut kajian tersebut punca berlaku bidaah dalam konteks ini ialah kerana empat faktor; kurang pendidikan agama, salah faham tentang agama, pengaruh kepercayaan perbomohan dan kepercayaan kepada perkara ajaib dan sakti.

Firdaus Khairi, Rahimah dan Fadzli (2015) membahaskan kefahaman terhadap konsep bidaah dalam ketamadunan masyarakat Islam. Menurutnya salah faham masyarakat Melayu masih wujud tentang konsep bidaah itu sendiri. Juga, masyarakat Melayu nampaknya lebih cenderung mementingkan perbincangan khilafiah yang sudah pun diketahui sebagai bukan fokus utama dalam perbincangan bidaah. Tambahnya, masyarakat Melayu sewajarnya memfokuskan kepada isu-isu bidaah yang disepakati ulama sebagai bercanggah dengan akidah dan syariat Islam seperti pemupukan adat dan budaya jahiliah yang disuburkan melalui khurafat dan tahyul.

Dalam kajian ini, usaha mengenal pasti beberapa isu tersebut yang ditimbulkan sekali lagi. Isu-isu bidaah dan membidaahkan dalam masyarakat Melayu kontemporari yang disiarkan dalam media massa mutakhir sebagai konflik sosial diberi perhatian. Tujuannya adalah supaya ditentukan bentuk kefahaman masyarakat Melayu terkini dan cara mereka berfikir atau rasa dan cara bertindak terhadapnya. Kajian juga berusaha menentukan bentuk pengimbangan dan pelestarian antara agama dan adat Melayu untuk diketengahkan dalam masyarakat.

Sebelum ini telah terdapat banyak penulisan berkait bidaah di Malaysia yang ditulis secara spesifik. Antaranya Azwira (2006) menulis untuk menolak sebelas tohmahan yang dilemparkan oleh Zamihan Mat Zin Al-Ghari. Perbincangan penulis tentang bidaah dan sunnah melatari seluruh isi perbincangannya apabila menyangkal tohmahan kesembilan iaitu Pendukung Sunnah Di Malaysia Tidak Faham Konsep Bid'ah.

Jawiah dan Wan Awang (2015) menyentuh beberapa amalan Melayu dikaitkan dengan persoalan bidaah dibahaskan secara berdalil. Beberapa amalan berbentuk ibadat dalam masyarakat Melayu disentuh seperti amalan berhubung dengan sembahyang, amalan berkaitan dengan puasa dan amalan berhubung zikir. Seterusnya beberapa amalan berhubung kepercayaan Melayu seperti tawassul dan doa melalui tawassul, perbomohan dan tangkal azimat, masalah keramat, istighathah dan kepercayaan berbentuk pantang larang. Seterusnya dibuat analisis amalan berhubung adat resam Melayu seperti amalan berhubung perkahwinan, amalan berhubung kematian dan sambutan hari bersejarah dalam Islam seperti Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Nuzul al-Quran, dan Israk dan Mikraj.

Mohd Aizam dari Cawangan 'Aqidah, Bahagian Penyelidikan JAKIM pada 2015 membahaskan persoalan bidaah dan pendekatan yang diambil oleh Jakim dalam soal ini. Juga beliau mendiskusikan dalam konteks yang sama menyentuh isu bidaah dan anti mazhab pada 2013 dan 2015.

Muhadir (2017) berusaha memurnikan pemikiran masyarakat menyentuh persoalan bidaah dengan mengemukakan 8 langkah memahami bidaah. Sebelumnya pada 2014, beliau membahaskan persoalan dan permasalahan khilafiyah yang mengheret persoalan bidaah dalam masyarakat Melayu kontemporari. Selain itu dalam di Wacana Pendidikan Dan Kefahaman Fatwa Negeri Melaka 2014, beliau menulis kertas kerja menyentuh persoalan bidaah dan khilafiah dalam konteks umat Islam di Malaysia.

Namun begitu, kajian tentang bidaah dalam masyarakat Melayu kontemporari ini adalah dibuat dengan agak berbeza kerana isu bidaah dianalisis menggunakan wacana media nasional Malaysia. Isu ini ditelusuri menerusi realiti bidaah yang dilaporkan dalam liputan akhbar harian. Analisis dibuat untuk melihat kejadian dan persoalan pemikiran masyarakat Melayu masa kini tentang bidaah kontemporari di Malaysia secara realiti.

METODOLOGI

Kajian deskriptif kualitatif ini menggunakan metod analisis isi atau kandungan media akhbar Malaysia untuk mengenal pasti kemelut isu membidaahkan adat resam dan tradisi yang semakin menular. Data kajian diambil dari sembilan sampel terpilih dari pelbagai akhbar Melayu dari kategori berita perdana Malaysia seperti seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian, serta kategori berita tabloid seperti Sinar Harian dan Kosmo dari tempoh 2011-2017. Tempoh masa ini dianggap sebagai tempoh mutakhir merekod kemunculan isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu. Pemilihan akhbar-akhbar di atas kerana ia adalah akhbar-akhbar rasmi yang dibaca oleh masyarakat Melayu serta mampu memberi data yang cukup. Hanya setiap kenyataan sekitar isu bidaah yang disentuh dalam kalangan masyarakat Melayu akan dijadikan bahan kajian. Oleh kerana kajian ini bukan kajian kuantitatif, kekerapan isu bidaah dipaparkan dalam segala akhbar tersebut tidaklah diberi tumpuan. Apa yang lebih dipentingkan dalam kajian ini ialah apakah isu yang dipaparkan melibatkan isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu yang terkait dengan budaya keagamaannya yang diamalkan, bukan sekadar memaparkan persoalan bidaah secara ilmiah. Begitu juga bukan dengan isu bidaah yang dilaporkan berlaku di luar lingkungan negara Malaysia. Analisis dibuat adalah untuk melihat pemikiran dan kefahaman masyarakat berkaitan isu bidaah dan konflik pembidaahan terhadap amalan mereka.

Selain itu, kajian dilakukan adalah untuk melihat jenis atau bentuk pembidaahan terkini dan kaitannya dengan isu perpaduan masyarakat Melayu kontemporari. Seterusnya dilakukan penjelasan dengan meninjau teori dan konsep bidaah yang dipakai dalam fatwa kerajaan. Hal ini dilakukan untuk melihat hubungkait antara kedua perkara; isu bidaah semasa serta sikap dan dasar kerajaan dan masyarakat Melayu terkini mengenainya. Metod ini digunakan untuk mencari apa perspektif yang perlu diberi perhatian lanjut dalam menangani isu ini supaya suatu tindakan bersepadu dapat dibuat dengan lebih berkesan. Oleh kerana isu bidaah dan pembidaahan adalah isu berkenaan keagamaan orang Melayu maka penelitian dan penaakulan juga dibuat berdasarkan permasalahan, tujuan dan bidang kajian iaitu bidang agama Islam, sejarah dan budaya Melayu.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Meskipun telah terdapat pewartaan fatwa seperti disebutkan di atas, laporan berita peristiwa dan kejadian harian di Malaysia masih terus menunjukkan persoalan bidaah sering muncul dan dalam sesetengah keadaan mencetuskan polemik atau kontroversi. Masyarakat masih berselisih faham dan paling sukar apabila timbul taksud dengan sesuatu pandangan serta kurang sifat toleransi.

Dengan ini kajian tentang isu bidaah menerusi media penting dilakukan kerana media mampu membentuk minda dan pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu. Media massa menjadi pengawal atau *gate-keepers*, maka sesuatu pilihan maklumat yang disampaikan media, dilihat mampu membentuk nilai, sikap dan tanggapan yang berbeza dalam kalangan masyarakat (Suraini Ghazali, Hasrina Mustafa & Bahiyah Omar, 2014)

Pada asasnya, penggunaan media seperti akhbar, radio, televisyen, internet berkait rapat dengan usaha membentuk perubahan di dalam diri masyarakat. Media massa memainkan peranan yang besar dalam mencorak perubahan sosial terhadap masyarakat. Hal ini demikian kerana capaian media massa adalah begitu meluas (ibid.)

Berikut dipaparkan beberapa laporan berita menyentuh isu bidaah dan membidaahkan sesuatu perkara yang terjadi dalam masyarakat Melayu kontemporari. Laporan-laporan ini adalah diambil secara rawak dari beberapa sumber akhbar tempatan seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo dan Sinar Harian yang diambil antara tahun 2011-2016.

Jadual 1: Tajuk-tajuk pilihan berita akhbar nasional Malaysia berkaitan isu bidaah

Tarikh	Sumber	Tajuk dan isi pilihan
04 Mac 2017	<i>Kosmo</i>	Ilmuwan agama hentikan perbalahan Presiden Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia, Muhammad Syukri Alimar Shidi, ketika membangkitkan perkara itu turut merujuk kepada peringatan ulama terkemuka Syeikh Yusof Al-Qardawi bahawa: "Kita (umat Islam) selalu sangat bergaduh dalam bidaah agama, jarang sekali kita bergaduh dalam bidaah teknologi."
26 Mei 2016	<i>Utusan Malaysia</i>	Khilaf Bukan Bidaah Perbezaan Pendapat dalam Agama Perlu dirai "KENAPA perlu membaca doa Qunut sedangkan Nabi Muhammad SAW tak buat? Itu perbuatan bidaah. Dan setiap yang bidaah itu adalah sesat." Dialog berikut adalah antara pertikaian yang sering kali didengari. Bukan itu sahaja, pelbagai amalan lain yang dilihat telah sebatikan dalam budaya Melayu sejak dari dahulu termasuk membaca surah Yasin dan tahlil pada malam Jumaat serta menyambut kelahiran Nabi Muhammad SAW turut dipertikai.
15 Sep 2015	<i>Berita Harian</i>	Islam Mesti Dipertahan Masalah Bidaah Di Malaysia, adat sedia ada yang tidak bercanggah dengan Islam telah mendekatkan masyarakat Melayu kepada Islam seperti pantun, sajak seloka, bersilat, syair serta adat bermasyarakat lain seperti menghormati orang tua, bergotong royong. Berkumpul beramai-ramai mengingati peristiwa besar seperti Maulidul Rasul, Israk Mikraj dan bersama membaca surah Yasin. Berjayanya pendakwah terdahulu mengadun antara ibadat dan adat yang mulia. Semakin lama budaya itu terhakis. Majlis bacaan Yasin untuk menzahirkan kesyukuran dan sambutan perayaan Islam tenggelam dalam perbincangan ilmiah sama ada ia bidaah atau tidak. Walhal ia hanyalah adat baik dan disokong oleh dalil umum suruhan beribadat sahaja.

Langkah untuk menyegarkan dan merapatkan semula adat budaya yang baik perlu dilakukan, disertai dengan panduan ilmu supaya generasi akan datang dapat terus kukuh memegang anutan Islam dengan budaya di samping tonggak utama sedia ada iaitu al-quran dan al-sunah.

- 31 Mac 2016 *Berita Harian* **Salah Faham Konsep Bidaah Punca Ekstrem**
Sebahagian masyarakat Islam yang terpengaruh dengan konsep bidaah berasaskan ideologi takfiri juga dilihat kurang berlapang dada dan bertolak ansur dalam isu khilafiah serta furuk. Sebahagian mereka dilihat tidak menunjukkan sikap hormat dan adab terhadap pandangan ulama muktabar, keputusan fatwa Jabatan Mufti Negeri atau Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Bahkan sebahagian mereka juga menunjukkan sikap kurang ajar dan berperwatakan kasar terhadap pihak lain yang tidak bersetuju dengan pandangan mereka. Maka tidak hairanlah jika beberapa Jabatan Mufti Negeri di Malaysia seperti Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor mengeluarkan fatwa khusus berkenaan larangan mempertikaikan isu khilafiah dan furuk. Isu bidaah ini jika tidak difahami dengan manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah ibarat api kecil yang boleh marak apabila disimbah ideologi takfiri. Pihak berkuasa agama di Malaysia patut memandang isu ini dengan serius kerana ia boleh menjadi sebab perpecahan masyarakat dan asas ekstremisme bertopengkan agama.
- 13 Mac 2015 *Utusan Malaysia* **Harussani tegur pendakwah Jadi ‘penglipur lara’, guna gelaran fasik**
“Fatwa sekarang melampau sampaikan siapa yang menghisap rokok, anak akan jadi anak haram. Di zaman sahabat Rasulullah, orang menghisap shisha, minum arak tetapi anak tidak dipanggil anak haram. “Begitu juga pendakwah yang membuat hukum membaca doa Qunut, membaca Yasin malam Jumaat dan berdoa beramai-ramai adalah amalan bidaah dan masuk neraka. Hukum ini tidak mengikut syarak,” katanya
- 05 Disember 2014 *Utusan Malaysia* **Tujuh resolusi K-Akidah dirumus Tujuan memantapkan akidah umat Islam**
Mohd. Yusof* menjelaskan perkara ketujuh dalam resolusi berkenaan adalah tidak boleh mengingkari perkara ‘khilafiah’ melainkan perkara yang telah ‘dijimakkan’ seperti tidak boleh menghukum kafir, bidaah, syirik dan sebagainya.
*(Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad)
- 03 Jun 2013 *Sinar Harian* **Amalan sunnah atau bidaah Rejab?***
SOALAN: Assalamualaikum ustaz. Saya keliru dengan amal ibadat yang dikatakan perlu dibuat ketika Rejab tiba. Boleh ustaz senaraikan ibadat tersebut berserta hujah yang menyokongnya?
*(Membicarakan kebidaahan beberapa ibadat seperti Puasa Rejab iaitu pada hari pertama, hari Khamis minggu pertama Rejab, hari Nisfu Rejab, dan hari 27 Rejab, Solat Rejab iaitu pada tiga malam daripada Rejab iaitu malam pertama, malam 27 dan malam Nisfu Rejab, Umrah Rejab, ‘Atirah Rejab serta Sambutan Israk Mikraj pada 27hb Rejab di Malaysia)
-

03 Februari 2012	<i>Utusan Malaysia</i>	Memahami bidaah Persoalan yang sering timbul dalam masyarakat kita dewasa ini adalah adanya segelintir masyarakat yang tidak memahami dengan sebenar-benarnya persoalan bidaah. Lalu mereka menganggap segala apa jua perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat semuanya bidaah. Akhirnya wujud dalam kalangan masyarakat yang menyatakan bahawa amalan-amalan seumpama talkin mayat setelah dikebumikan, membaca tahlil, membaca Yasin pada malam Jumaat, berwirid secara berjemaah selepas solat fardu, membaca lafaz <i>usalli</i> atau melafazkan niat sebelum takbir, sambutan Maulid nabi dan sebagainya adalah amalan bidaah yang tidak diterima di sisi Allah. Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Sukki Othman menjelaskan, fahaman seumpama itu adalah fahaman yang tidak benar. Katanya, yang dianggap bidaah itu sebenarnya adalah perkara <i>khilafiah</i> yang para ulama berselisih pandangan terhadapnya.
28 Julai 2011	<i>Kosmo</i>	Pengakuan bekas pengikut JI KUALA LUMPUR - Pihak keselamatan memberitahu, seorang lelaki yang ditahan selepas terlibat dengan kegiatan militan mendakwa, kumpulan pengganas itu meminta jemaah supaya mencari pengikut untuk menggulingkan kerajaan. Sumber keselamatan memberitahu, ia berikutan Jemaah Islamiah (JI) mendakwa pemerintah di sini mengamalkan bidaah dan 'taghut' (kerajaan yang tidak laksanakan hukum Islam). Ekoran itu, harta mereka boleh dirampas dan darah mereka halal. Katanya, lelaki yang ditahan itu mendakwa antara bidaah yang wajib diperangi apabila seseorang itu mengamalkan doa Qunut, tahlil arwah dan menyambut Maulidur Rasul.

Secara umum kesembilan-sembilan sampel di atas boleh dikatakan mempunyai beberapa perkara sepunya seperti isu memahami konsep bidaah, isu memperjuangkan Sunnah, isu mengecam bidaah terhadap beberapa budaya dan amalan Melayu dan isu sikap ekstremis terhadap bidaah. Diulaskan setiap sampel di atas seperti berikut:

Sampel pertama, 04 Mac 2017, Kosmo, Ilmuwan Agama Hentikan Perbalahan.

Laporan ini menjelaskan polemik bidaah yang sering dibangkitkan dalam masyarakat Melayu khasnya para ilmuwan mereka selama ini adalah amat merugikan mereka kerana melalaikan mereka dari perkara yang lebih penting yang patut diperdebatkan seperti bidaah teknologi.

Sampel kedua, 26 Mei 2016, Utusan Malaysia, Khilaf Bukan Bidaah Perbezaan Pendapat dalam Agama Perlu dirai.

Laporan ini menjelaskan bahawa golongan yang memerangi amalan agama masyarakat Melayu tidak membezakan antara khilaf dan bidaah. Hal ini timbul dari salah faham atau kekeliruan antara maksud khilaf dan bidaah.

Sampel ketiga, 15 Sep 2015, Berita Harian, Islam Mesti Dipertahan Masalah Bidaah.

Laporan ini menunjukkan segelintir mereka yang bersemangat memerangi amalan bidaah dalam masyarakat Melayu gagal mencerap proses difusi Islam dalam budaya dan amalan Melayu. Kebanyakan amalan keagamaan orang Melayu yang diwarisi dan dijalankan sejak turun temurun adalah hasil difusi yang berjaya dilakukan oleh para pendakwah dan ulama Melayu silam dalam menghidupkan agama dalam budaya dan adat Melayu.

Sampel keempat, 31 Mac 2016, Berita Harian, Salah Faham Konsep Bidaah Punca Ekstrem.

Laporan ini menyiarkan masalah salah faham sekumpulan masyarakat Islam tentang konsep bidaah. Konsep bidaah mereka telah dipengaruhi oleh ideologi takfiri yang sangat ekstrem. Mereka disifatkan kurang berlapang dada dan bertolak ansur terhadap masalah khilafiah dan furuk iaitu cabang. Watak mereka menjadi kasar dan tidak beradab terhadap ulama dan kerajaan. Secara deduktif, maklumat laporan berita tersebut dapat diinterpretasikan sebagai berlaku permasalahan dalam mendukung konsep bidaah yang agresif dan fanatik oleh sebahagian masyarakat Melayu kontemporari hingga merosakkan pemikiran dan tindakan sendiri dan menjejaskan hubungan sosial di antara mereka. Oleh itu selain masalah konsep bidaah yang melampau terdapat masalah perubahan sikap dan emosi yang amat ketara dan membahayakan. Hal ini menunjukkan perlunya pihak berwewenang seperti JAKIM menyebarkan kefahaman yang betul tentang konsep bidaah.

Sampel kelima, 13 Mac 2015, Utusan Malaysia, Harussani Tegur Pendakwah Jadi 'Penglipur Lara', Guna Gelaran Fasik.

Laporan ini membawa teguran dari Mufti Perak Sahib al-Samahah Datuk Harussani tentang trend para pendakwah masa kini yang menjadikan diri mereka sebagai penglipur lara dan dengan tanpa segan silu menggunakan gelaran yang disifatkan oleh beliau sebagai fasik. Beliau menegur sikap melampau para pendakwah tersebut yang juga berani mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan syarak. Antara teguran-teguran terhadap fatwa-fatwa yang dimaksudkan itu ialah fatwa yang menganggap amalan membaca doa Qunut, membaca Yasin malam Jumaat dan berdoa beramai-ramai adalah amalan bidaah dan masuk neraka. Sampel ini menunjukkan konflik konsep bidaah yang dipegang oleh para pendakwah tersebut dengan konsep bidaah

yang dipegang oleh mufti. Bahkan dapat dilihat dari contoh-contoh isu yang dibidaahkan ialah sebenarnya isu-isu khilafiah yang sudah ditegaskan untuk tidak harus dipertikaikan demi menjaga keharmonian kehidupan beragama masyarakat Melayu Islam. Masalah sebegini menjadi lebih sulit untuk dirawat dan dibendung kerana melibatkan dua pihak yang berkaliber dalam ilmu agama di mata masyarakat. Bahkan dari sudut yang lebih mendasar lagi ia turut memperlihatkan masalah sebahagian masyarakat ilmu yang tidak mengambil kira konsep dan sejarah Islam yang sudah lama berdifusi atau meresap ke dalam budaya Melayu semenjak zaman silam di Nusantara.

Sampel keenam, 5 Disember 2014, Utusan Malaysia, Tujuh Resolusi K-Akidah Dirumus Tujuan Memantapkan Akidah Umat Islam.

Laporan ini menyiarkan resolusi yang dibuat dalam persidangan yang dihadiri oleh Mufti Negeri Sembilan Sahib al-Samahah Datuk Mohd. Yusof Ahmad yang menjelaskan tujuh resolusi telah dicapai dalam K-Aqidah untuk memantapkan akidah umat Islam. Resolusi ketujuh daripadanya adalah resolusi yang menyatakan bahawa tidak boleh mengingkari perkara khilafiah melainkan perkara yang telah berlaku ijmak padanya oleh ulama seperti tidak boleh menghukum kafir, bidaah, syirik dan sebagainya. Sampel ini menunjukkan kepada fenomena bidaah membidaah dalam hal khilafiah yang sebenarnya bukan dari hal bidaah. Oleh yang demikian konsep khilafiah perlu dibezakan dari konsep bidaah. Kegagalan menangani hal ini akan mengakibatkan perselisihan faham yang berpanjangan tanpa kesudahan yang baik. Hal ini menunjukkan usaha yang besar dari pihak berwewenang untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang konsep bidaah dan konsep khilafiah secara lebih berkesan. Usaha ini akan lebih berjaya jika ditambah dengan usaha menerapkan beberapa lagi adab atau disiplin seperti adab *al-ikhtilaf* yakni adab berselisih pandangan antara ulama dan adab *al-munazarah wa al-jidal* iaitu adab berdebat dan berhujah yang sudah disusun dengan rapi dalam keilmuan Islam.

Sampel ketujuh, 3 Jun 2013, Sinar Harian, Amalan Sunnah Atau Bidaah Rejab?

Laporan ini memberi pencerahan terhadap amalan masyarakat Melayu seperti 'Puasa Rejab' iaitu pada hari pertama, hari Khamis minggu pertama Rejab, hari Nisfu Rejab, dan hari 27 Rejab, 'Solat Rejab' iaitu pada tiga malam daripada Rejab iaitu malam pertama, malam 27 dan malam Nisfu Rejab, 'Umrah Rejab', "Atirah Rejab' serta sambutan Israk Mikraj pada 27 Rejab. Aspek-aspek yang disentuh menunjukkan kepada **kelemahan masyarakat memahami Sunnah** atau salah anggap terhadap bidaah sehingga dikira sebagai sunnah. Dalam situasi ini, selain dari kelemahan memahami konsep bidaah seperti yang disentuh dahulu, masyarakat juga nampaknya lemah dalam mengenal pasti sunnah Nabi saw dengan cara yang sebenar. Dalam persoalan ini, usaha yang paling sesuai ialah menjelaskan sunnah-sunnah Nabi

saw dengan cara yang lebih mudah difahami untuk diamalkan. Budaya masyarakat Melayu yang suka mengambil berkat sempena tarikh tertentu dalam kalender Islam perlu dicermati agar tidak berlebih-lebihan. Para pendakwah, ulama dan pemimpin masyarakat perlu menjadi bertindak menjadi penyampai ilmu Sunnah yang berkesan dan bijak menyediakan alternatif yang sesuai jika perlu dengan syarak apabila membenters sesuatu bidaah.

Sampel kelapan, 3 Feb 2012, Utusan Malaysia, 'Memahami bidaah'.

Laporan ini berkait masalah memahami konsep bidaah. Segelintir masyarakat yang tidak memahami dengan sebenar-benarnya persoalan bidaah, lantas mereka menganggap apa saja yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat adalah bidaah. Dengan ini, segala amalan masyarakat Melayu seperti membaca talkin mayat setelah dikebumikan, membaca tahlil, membaca Yasin pada malam Jumaat, berwirid secara berjemaah selepas solat fardu, membaca lafaz *usalli* atau melafazkan niat sebelum takbir, sambutan maulid Nabi dan sebagainya adalah amalan bidaah yang tidak diterima di sisi Allah. Kesemua ini menunjukkan kepada masalah konsep bidaah dan konsep Sunnah yang masih kabur pada pemahaman masyarakat.

Sampel kesembilan, 28 Julai 2011, Kosmo, Pengakuan Bekas Pengikut JI.

Laporan ini mengatakan pihak keselamatan menahan seorang lelaki yang terlibat dengan kegiatan militan iaitu kumpulan penganas yang meminta jemaah supaya mencari pengikut untuk menggulingkan kerajaan. Dilaporkan Jemaah Islamiah (JI) mendakwa pemerintah di sini mengamalkan bidaah dan 'taghut' maka harta mereka boleh dirampas dan darah mereka adalah halal untuk ditumpahkan. Bahkan kumpulan itu mendakwa antara bidaah yang wajib diperangi apabila seseorang itu mengamalkan doa Qunut, tahlil arwah dan menyambut Maulidur Rasul. Aspek-aspek yang dijelaskan di atas amat rumit kerana ia melibatkan pemikiran dan emosi yang amat menyimpang.

Dari ulasan di atas, dapat dikategorikan isu-isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu dalam akhbar-akhbar Malaysia tertumpu kepada enam perspektif seperti berikut:

Perspektif Pertama

Kefahaman masyarakat terhadap konsep bidaah tidak meningkat. Bahkan yang sering terjadi ialah perdebatan yang akhirnya mengundang konflik. Tidak ada jalan yang lebih menguntungkan semua selain bermusyawarah secara terhormat dan bertolak ansur secara beradab. Tidak dinafikan isu ini adalah masalah sejagat dalam hampir setiap masyarakat Islam antarabangsa namun tidak seharusnya umat Islam Malaysia terheret sehingga retak ikatan ukhuwah dan pecah kesatuan mereka. Hal ini dinyatakan dengan kesedaran bahawa setidaknya terdapat dua aliran popular dewasa ini yang sama-sama mengaku berasal dari kalangan Ahli Sunnah tetapi masih tidak sehaluan dalam hal ini. Aliran pertama ialah aliran

tradisional yang dominan di Malaysia. Mereka berakidah al-Ashairah serta bermazhab al-Syafii. Manakala aliran kedua berakidah salafiah yang umumnya tidak mempunyai mazhab fikah tertentu atau tidak berintima' kepada satu mazhab. Kedua-dua aliran mentafsirkan bidaah dengan beberapa titik perbezaan. Walaupun demikian pada asasnya kedua-duanya masih mempunyai kesamaan pada dasarnya iaitu memahami bahawa bidaah adalah lawan Sunnah. Namun yang paling ketara dalam perspektif pertama ini adalah sikap kasar dan biadap yang dipengaruhi oleh ideologi takfiri yang amat membahayakan perpaduan masyarakat Melayu Islam.

Perspektif Kedua

Kekeliruan masyarakat dalam menanggapi persoalan bidaah dan khilafiah. Hal ini tidak dapat dilunaskan walaupun dengan usaha-usaha yang telah dibuat sebelum ini. Kebebasan bersuara yang diberikan kepada kedua-dua pihak mentafsirkan konsep bidaah terutamanya di media internet menyebabkan kekeliruan menjadi bertambah rumit. Laporan akhbar dalam aspek ini menjurus kepada hasil tindakan sesetengah yang terjebak dalam kekeliruan dalam hal ini.

Perspektif Ketiga

Kekaburan sesetengah pihak tentang entiti agama, budaya dan adat. Proses difusi yang terjalin dalam pembentukan adat dan perubahannya tidak dapat ditanggapi dengan baik melahirkan konklusi yang amat berbeza tentang adat sehingga dilabelkan sebagai bidaah. Demikian juga dipihak yang mempertahankan adat perlu mengetahui dasar-dasar difusi yang diharuskan dan yang dilarang. Kejelasan perspektif ini dapat menyumbang kepada memahami apa yang diperlukan dalam masyarakat yang beragama dan beradat.

Perspektif Keempat

Kelemahan masyarakat untuk mengenali maksud sunnah dengan cara yang sebenar menjadikan keadaan perselisihan mereka bertambah buruk dan harus diatasi.

Perspektif Kelima

Sikap pihak yang taksuf dengan takrif dan konsep bidaahnya sehingga pihak yang berlainan pendirian daripada mereka dilempar dengan tuduhan sesat. Pendekatan keras yang digunakan oleh pihak yang taksuf tersebut yang biasa menuduh pihak lain yang tidak sehaluan sebagai ahli bidaah amat menggugat emosi dan menimbulkan kemarahan. Lebih sukar apabila dikaitkan pihak yang berlainan kefahaman dalam konsep bidaah dari mereka sebagai ahli neraka kerana berdasarkan zahir hadis yang masyhur bermaksud "Dan setiap bidaah adalah sesat dan setiap kesesatan adalah di dalam neraka" (Riwayat al-Nasa'i). Hal ini menimbulkan kebencian dan perseteruan sesama Islam.

Perspektif Keenam

Kerisauan masyarakat terhadap tingkah laku ekstrem yang ada pada sesetengah pihak yang keras menentang pihak yang dianggapnya ahli bidaah. Sifat ekstrem seperti tersebut menyifatkan kerajaan dan masyarakat yang tidak menerima konsep bidaah mereka sebagai halal dibunuh. Perspektif ini berkait dengan kawalan tingkah laku yang biasanya memerlukan ketegasan khas dari pihak berkuasa. Kemungkinan dengan dasar berlembut diambil oleh

sesetengah pihak kesempatan untuk menunjukkan sifat ekstrem. Sebagai jalan penyelesaian satu tindakan yang bersepadu perlu diusahakan atau dirangka melibatkan pelbagai pakar terutamanya pakar agama, pemimpin masyarakat dan aktivis sosial, pakar budaya, pakar psikologi, pakar motivasi, pakar pendidikan dan lain-lain lagi. Isu ini tidak harus dipolitikkan kerana isu agama, bangsa dan nasional bagi umat Melayu kerana umat Melayu hanya akan kukuh bersatu atas premis agama, bahasa dan budaya.

KESIMPULAN

Secara spesifik, isu-isu bidaah dan membidaah yang dibangkitkan dalam laporan pelbagai berita nasional di atas adalah berkitar tentang enam perspektif iaitu perspektif konsep bidaah yang tidak disepakati oleh masyarakat dari sudut huraian dan aplikasi, perspektif kekeliruan masyarakat antara persoalan bidaah dan khilafiah, perspektif konsep difusi agama dan adat Melayu, perspektif memahami sunnah dengan sebenar, perspektif ketaksuban sesetengah pihak dengan kefahaman yang dipegangnya tentang bidaah dan perspektif keekstreman pada tingkah laku sesetengah pihak yang keras menentang pihak yang dianggapnya ahli bidaah. Isu-isu bidaah dan membidaah dalam masyarakat Melayu kontemporari ini masih memerlukan usaha bersepadu dari semua pihak untuk menanganinya dengan lebih serius dan fokus. Dalam kajian ini penelitian terhadap enam perspektif penting di atas telah berjaya dikesan. Adalah diyakini dengan memberi penumpuan terhadap perspektif-perspektif yang disebutkan di atas, isu-isu tersebut dapat dihentikan secara lebih berkesan. Gagasan membentuk dan merangka pelan tindakan yang bersepadu melibatkan pelbagai pakar dalam masyarakat khususnya pakar agama perlu dilakukan segera, pantas dan lancar.

BIODATA

Muammar Ghaddafi Bin Hanafiah (PhD), pensyarah kanan Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu, FSSK, UKM dengan pengkhususan dalam bidang pemikiran dan peradaban Melayu Islam. Email: muammar@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abdul Basit. (2010). *Konsep bidaah tradisi memberi 'Sasajen' dalam Kitab Tuhfat Al-Raghibin Fi Bayan Haqiqat Iman Al-Mu'minin wa ma Yuftiduh Min Riddat Al-Murtaddin karya Syeikh Muhammad Arshad Al-Banjari (1122-1227 H/1711-1812 M) (Tahqiq wa Dirasah)* (Tesis, UIN Sunan Kalijaga, Indonesia).
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia sejarah dan aliran*. KL: DBP.
- Abdullah Hussein. (1975). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Diperoleh dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=biar+mati+anak&d=287324&#LIHATSINI>
- Anon. (2013). *Kurik kundi merah saga, kumpulan pantun lisan Melayu* (Edisi Kedua). KL: DBP.
- Anwar Omar Din. (2008). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Azwira Abdul Aziz. (2006). *Siapakah ahli Sunnah yang sebenar: penjelasan terhadap tohmahan Zamihan Mat Zin al-Ghari ke atas pegangan ahli Sunnah dan para tokohnya*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Dzuhailmi Dahalan, Turiman Suandi, Mohamad Rezal Hamzah, Jegak Uli, Jamilah Othman, Nobaya Ahmad, & Nor Azliza Wanis Abdullah. (2013). Komuniti nelayan Muslim: Analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 8(3), 43 – 51.
- Fadzli Adam, Firdaus Khairi Abdul Kadir, & Abd Hakim Mohad. (2014). *Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah: Faktor kemunculannya dalam masyarakat Melayu dan ruang dakwah yang masih terbuka*. Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014, anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor. Diperoleh pada 30 Mei 2017, dari http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/18-Dakwah_Bidah_Dakwahetnhnicity.pdf
- Firdaus Khairi Abdul Kadir, Rahimah Embong, & Fadzli Adam Salah. (2015). Faham terhadap konsep bidaah dalam ketamadunan masyarakat Islam. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 6-7 September 2015, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.
- Hamka. (1994) *Sejarah umat Islam*. (Edisi Baru). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hasni Zakaria, & Novel Lyndon. (2014). Identiti budaya dan bahasa etnik Melayu Thesaban Takbai, Selatan Thailand: Satu analisa fenomenologi. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 148 - 155.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2014). Fatwa menangani persoalan bid'ah dalam masalah ikhtilaf/khilaf perkara furu'. Diperoleh dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-menangani-persoalan-bid-ah-dalam-masalah-ikhtilafkhilaf-perkara-furu>
- Jawiah Dakir, & Wan Awang Wan Ali. (2015). *Sunnah dan bidaah dalam amalan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Peribahasa.com*. Diperoleh pada 3- Mei 2017, dari <http://www.kamusperibahasa.com/arti-peribahasa-indonesia/adat-bersendi-syarak-syarak-bersendi-kitabullah/>
- Lily El Ferawati Rofil, Md Azalanshah Md Syed, & Azizah Hamzah. (2015) "Jadi Melayu": televisyen dan pembentukan identiti wanita kuturunan Jawa di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 41-58.

- Mohd Aizam Mas'od. (2015). *Bid'ah: Antara dua pendekatan*. Malaysia: Cawangan 'Aqidah, Bahagian Penyelidikan JAKIM. Diperoleh pada 8 Mei 2016, dari <http://documents.tips/documents/bidaah-menurut-jakim.html>
- Mohd Aizam Mas'od. (2015). *Diskusi isu aqidah dan pemikiran semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).
- Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2015). *Pemikiran al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari dalam kitab Sabil al-Muhtadin* (Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Muammar Ghaddafi Hanafiah, & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2015). Kontroversi program "I Want To Touch A Dog" dalam media kontemporari daripada perspektif Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 195-210.
- Muhadir Haji Joll. (2017). *8 Langkah memahami bid'ah*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu.
- Muhadir Haji Joll. (2014). *Kekeliruan umat inilah jawapannya*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu.
- Muhadir Haji Joll. (2014). *Khilafiah: Persoalan dan penjelasan*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing.
- Muhadir Haji Joll. (2014). *Persoalan bid'ah dan khilafiah dalam konteks umat Islam di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan dalam Wacana Pendidikan dan Kefahaman Fatwa Negeri Melaka, 15 Disember 2014, Jabatan Mufti Negeri Melaka. Diperoleh pada 30 Mei 2017, dari <http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/index.php/en/wacana-pendidikan-dan-kefahaman-fatwa-negeri-melaka-2014m-1436h/156-persoalan-bid-ah-dan-khilafiah-dalam-konteks-umat-islam-di-malaysia>
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2018). Teori Al-Daruriyyat dan penggunaan media sosial: Satu perbincangan konsep. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 75-92.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, & Muammar Ghaddaffi Hanafiah. (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 33-46.
- Nornajwa Ghazali. (2016). Pendidikan Islam di Malaysia: Analisis kepentingan penghayatan mazhab Syafii. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 147-157.
- Rodi Wahyudi, Jalaluddin Abdul Malek, & Azmi Aziz. (2015). Ketaatan beragama dan salah laku pentadbiran dan birokrasi dalam kalangan kakitangan awam di Kota Pekanbaru, Provinsi Riau, Indonesia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(4), 39 - 48.
- Suraini Ghazali, Hasrina Mustafa, & Bahiyah Omar. (2014). Kesan drama hiburan-didik dan dokumentari dalam mempengaruhi niat untuk menderma organ: Satu eksperimen berteraskan model elaboration likelihood. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(2), 1-20.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Kling. (t.th.) *Islam dan kebudayaan alam Melayu*. KL: Universiti Malaya.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, & Abdul Fatah Shahrudin. (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim (Islam as a foundation of Malay-Muslim identity formation). *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141.